

IOES sudah bentang hasil analisis air Sungai Geting

11 September 2015 12:07 AM

 3  1  0  0

KOTA BHARU 10 Sept. – Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES), Universiti Malaya (UM) telah membentangkan hasil analisis makmal terhadap sampel plankton dan air Sungai Geting, Tumpat kepada Pejabat Kesihatan negeri ini.

Felo Penyelidik Kumpulan penyelidik Stesen Penyelidikan Marin Bachok, institut tersebut, Dr. Leaw Chui Pin berkata, hasil analisis makmal yang dijalankan keatas sampel tersebut mendapati terdapat kewujudan plankton Alexandrium minutum di kawasan berkenaan.

Menurutnya, sebanyak empat kali analisis makmal telah dijalankan ke atas sampel plankton dan air sungai Geting pada hari yang berbeza sejak 30 Ogos lalu.

“Penemuan Alexandrium minutum di sungai Geting merupakan sebahagian daripada kajian lapangan bagi projek penyelidikan untuk mengkaji kejadian ledakan alga di beberapa kawasan akuakultur yang terpilih di pantai timur Semenanjung Malaysia,” katanya.


Utusan Malaysia pada 6 September lalu melaporkan, Jabatan Kesihatan Kelantan belum menerima sebarang laporan rasmi mengenai penemuan hasil kajian Stesen Penyelidikan Universiti Malaya (UM) di Bachok berkaitan kandungan air Sungai Geting, Tumpat yang dikatakan tercemar dengan Plankton Alexandrium.

Baru-baru ini Jabatan Perikanan telah mengeluarkan notis amaran mengenai penemuan hasil kajian berkenaan dengan melarang aktiviti memungut, menjual, memakan tiram dan kerang di kawasan tersebut kerana boleh mengakibatkan keracunan serta kematian.

Chui Pin memberitahu, pihaknya akan terus melakukan ujian secara berterusan terhadap sampel lapangan di sungai Geting secara mingguan bagi membantu agensi berkaitan menangani masalah bahan beracun itu.


“IOES juga telah memaklumkan penemuan Alexandrium minutum kepada Unit Biosekuriti Jabatan Perikanan Malaysia dan Jabatan Perikanan Kelantan dan sudah dibentangkan kepada pegawai perikanan daerah dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM),” katanya.

Kuala Lumpur



Subuh 5:48
Zohor 1:09
Asar 4:14
Maghrib 7:12
Isyak 8:21

Hotels.com



Plush Pods
★★★★★
\$97 [Book](#)



ibis Singapore On Bencoolen
★★★★★
\$477 [Book](#)

popular



‘Zul Badak’ maut ditembak dengan M-16



Rancang bertemu FBI



Jamal lantik 10 peguam



Kes bicara doktor tentera ditangguh



Bayi ajaib, masih hidup terkena peluru



Wajib letak